Source: *Berita Harian,* p2
Date: 8 August 2015

SUMBANGAN JEMAAH: Seorang jemaah di Masjid Muhajirin menyumbang wang bagi kutipan khas Dana Kerusi Profesor Yusof Ishak yang diadakan di 69 masjid serata Singapura.– Foto KHALID BABA

DANA KERUSI PROFESOR YUSOF ISHAK

Pungutan derma khas di kesemua 69 masjid

USAHA menambah Dana Kerusi Profesor Yusof Ishak dalam Sains Kemasyarakatan digerakkan semalam menerusi sesi pungutan khas di kesemua 69 masjid setempat.

Ia memudahkan orang ramai menghulur bantuan kepada dana yang bertujuan menarik cendekiawan sains sosial ternama menyumbang kepada kajian dan kepimpinan intelektual dalam topik berbilang kaum, agama dan budaya.

Penubuhan dana itu diumumkan Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, pada Rapat Hari Kebangsaan 2014, Ogos tahun lalu.

Langkah tersebut bagi mengenang jasa Presiden pertama Singapura, Allahyarham Yusof Ishak, yang gigih mempromosikan keharmonian kaum selepas tempoh kemerdekaan.

Dana ini membolehkan Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan di Universiti Nasional Singapura (NUS) menarik dan melantik cendekiawan sains sosial ternama lagi cemerlang pada peringkat antarabangsa.

Sejauh ini, Jawatankuasa SG50-Kita yang menerajui inisiatif pungutan dana itu berjaya mengumpul sebanyak $3.87 juta, termasuk geran pemadanan pemerintah.

Matlamatnya ialah mengumpul sebanyak $6 juta menjelang akhir tahun ini.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.